

**ANALISIS PERUBAHAN  
KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM  
DI SEKOLAH AGAMA RAKYAT DI SELATAN  
THAILAND (1961-2003)**

**MUHAMATSAKREE MANYUNU**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2008**

**ANALISIS PERUBAHAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM  
DI SEKOLAH AGAMA RAKYAT DI SELATAN  
THAILAND (1961-2003)**

**MUHAMATSAKREE MANYUNU**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH Ph.D  
(PENGURUSAN DAN PERKEMBANGAN KURIKULUM)**

**FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
TANJONG MALIM PERAK**

**2008**

## PENGAKUAN

Saya mengakui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

27 June 2008

MUHAMATSAKREE MANYUNU  
P20031001390



## DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.

27 Jun 2008

MUHAMATSAKREE MANYUNU  
P20031001390



## PENGHARGAAN

Pertama kali saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia-Nya disertasi ini dapat juga disiapkan dalam masa yang ditentukan, Alhamdulillah. Seterusnya, saya ingin mengucap selawat ke atasan junjungan kita Muhammad SAW selaku pendidik pertama yang mendorongkan saya mengikut jejak langkah baginda dalam bidang pendidikan. Semasa menjalankan kajian, saya mendapat bantuan dan kerjasama yang tidak ternilai daripada pelbagai pihak. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang berkenaan.

Ucap terima kasih dan penghargaan ditujukan khas kepada penyelia-penyesilia saya: Prof. Madya Dr. Kamarulzaman Kamaruddin, Prof. Dato' Dr. Abu Bakar Nordin dan Prof. Dr. Haji Muhammad Bukhari Lubis yang tidak jemu-jemu memberikan bimbingan dan tunjuk ajar dengan penuh tekun dan sabar. Agar keikhlasan mereka diberi ganjaran oleh Allah pada hari akhirat nanti insya-Allah.

Tidak lupa juga, ucapan terima kasih ini saya tujuhan kepada staf sokongan Pusat Perhubungan Antara Bangsa dan PASCA-Universiti Pendidikan Sultan Idris, khususnya kepada Prof. Madya Dr. Omar Abd.Kareem, En. Abd.Ghani Mansor dan Cik. Nooraini Abu Kassim. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua tenaga akademik Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Penghargaan dan jutaan terima kasih juga ditujukan kepada Hj. Ridwan bin Ab.Kadir yang bersedia menyemak serta memberi teguran-teguran yang membina bagi memantapkan lagi keseluruhan penulisan tesis ini. Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada saudara Azman Bado yang bersedia menyediakan teknikal sehingga kajian boleh dijalani dengan lancar.

Penghargaan saya juga dituju kepada pensyarah-pensyarah Universiti Islam Yala dan Kolej Pengajian Islam, Universiti Prince of Songkhla-Pattani, para guru sekolah agama rakyat di Selatan Thailand (Pattani, Yala, Narathiwat dan Satun) dan rakan-rakan seperjuangan yang sudi memberi maklumat kepada saya sewaktu menjalankan kajian. Tanpa bantuan daripada mereka semua, usaha ini tidak mungkin berjaya sepenuhnya.

Penghargaan ini juga ditujukan khas kepada ibu saya Safurah binti Haji Che Ali, isteri saya Rokiyah, anakanda saya Nada, Afaf dan Syifa', nenek saya Hajah Aminah dan seluruh keluarga saya yang selalu berdoa ke hadrat Allah SWT dan ini menjadi sumber inspirasi sepanjang kajian ini. Penghargaan ini juga dikhatususkan untuk adinda saya Ilias yang senantiasa menjadi saya sebagai contoh dalam memburu kemajuan.

Mudah-mudahan usaha yang kecil ini akan dapat memberikan manfaat kepada alam kurikulum pendidikan Islam di dunia Islam amnya dan di Selatan Thailand khususnya.

Wassalam.



## ABSTRAK

Sekolah agama rakyat di Selatan Thailand merupakan institusi lanjutan pendidikan daripada pusat pengajian pondok tradisional. Sistem pendidikan di sekolah agama rakyat di sini adalah unik dan berbeza daripada sekolah awam yang lain. Dengan ini, kurikulum pendidikan Islam telah digubal khusus untuknya. Pusat Membina Kemajuan Daerah Pelajaran II-Yala (*Samnakngan Suksathikan Khet Sorng*, yang sekarang dikenali dengan *Samnak Phu Truat Rachakarn Pracham Khet Truat Rachakarn Thi 12*) merupakan badan kerajaan yang bertanggungjawab membentuk dan mengubahsuai kurikulum pendidikan Islam Selatan Thailand dari semasa ke semasa. Semenjak awal pendaftaran sekolah agama rakyat dengan kerajaan hingga kini, terdapat enam kurikulum pendidikan Islam dibentuk, dilaksana dan diubahsuai, iaitu Kurikulum Pendidikan Islam 2504Bd [1961], Kurikulum Pendidikan Islam 2513Bd [1970], Kurikulum Pendidikan Islam 2523Bd [1980], Kurikulum Pendidikan Islam 2535Bd [1992], Kurikulum Pendidikan Islam 2540Bd [1997] dan Kurikulum Pendidikan Islam 2546Bd [2003]. Kajian ini adalah kajian kualitatif. Ia dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian analisis dokumen dan analisis temu bual. Hasil kajian ini, menunjukkan bahawa semua faktor (undang-undang dan pelan pendidikan, politik dan keamanan, sistem pendidikan awam, sosiobudaya, dan sosioekonomi) telah mempengaruhi pelaksanaan dan perubahan kurikulum pendidikan Islam di sini. Setiap kurikulum pernah berubah kerana dipengaruhi paling kurang oleh dua daripada faktor-faktor tersebut. Pengaruh faktor-faktor berlaku secara langsung mahupun tidak langsung dalam kurikulum yang terbabit. Pada keseluruhannya, undang-undang dan pelan pendidikan merupakan faktor utama yang paling berpotensi dan mempengaruhi perubahan kurikulum pendidikan Islam di sekolah agama rakyat di Selatan Thailand. Sosiobudaya dan sistem pendidikan awam merupakan faktor kedua yang begitu berpotensi mempengaruhi kurikulum ini. Manakala politik dan keamanan pula merupakan faktor ketiga berpotensi mempengaruhinya. Adapun sosioekonomi merupakan faktor yang paling kurang berpotensi dan mempengaruhi.

Dapatan kajian ini dapat membawa implikasi yang besar kepada kehidupan masyarakat Islam Selatan Thailand amnya dan kepada pendidikan Islam di sekolah agama rakyat khasnya, jika sekiranya ia dapat dijadikan panduan kepada pihak sekolah bagi merancang kurikulum sekolah agama rakyat di sini. Masyarakat setempat seharusnya peka dengan implikasi daripada perubahan kurikulum pendidikan Islam, sama ada yang positif atau pun negatif. Pada masa yang sama, sektor kerajaan dan swasta perlu berganding bahu bagi menentukan arah tuju pendidikan Islam di sekolah agama rakyat, dengan meyakinkan bahawa perubahan itu dapat memajukan pendidikan di sekolah agama rakyat yang selari dengan keperluan masyarakat setempat.

## ABSTRACT

Islamic Private school of Southern Part of Thailand is resembling the continuous progress of education of Islam from the educational institute of Pondak tradition. The educational system of this Islamic private school is unique and different from others. Therefore, it is required the specific educational curriculum of Islam. The Educational Development Center of Region II-Yala has been a government organization which is responsible for creating and reforming the educational curriculum of Islam from time to time. It started from the first step of registering of Islamic private school with the government until this present time, it consists of six curriculum which have been formed, implemented and reformed. They were Islamic Educational Curriculum 2504B [1961], Islamic Educational Curriculum 2513B [1970], Islamic Educational Curriculum 2523B [1980], Islamic Educational Curriculum 2535B [1992], Islamic Educational Curriculum 2540B [1997] and Islamic Educational Curriculum 2546B [2003]. This research employs qualitative approach. It was proceeded by using documentary analysis and interview. After the data obtained was analyzed, the findings show that all factors (law and educational planning, politic and security, regular educational system, social culture, socioeconomic) has influenced curriculum implementing and changing of Islamic educational curriculum. The reforming of curriculum was influenced by two factors roughly. The influential factors were both written as well as hidden in the related curriculum. However, from most of factors, law and educational planning are the main influential factors which are potential and influenced the educational curriculum changing of Islamic private school at Southern Part of Thailand. Social culture and regular educational system are the second factors which are great potential and influence this curriculum while politic and security are the third factors which are potential and influential. Where as, socioeconomic is the least important and influential factor.

The findings from this study are essential to implementing for the population in Southern Part of Thailand generally and for the Islamic education of Islamic private school particularly if it can be guides for the school and curriculum planning. This society itself must accept for the changing of curriculum implementing of Islamic

education both in positive and negative changes. In the same time, the government and private section need cooperation to define the precise goal of Islamic private school and as well as the needs of society.



**KANDUNGAN**

|                                          |            |
|------------------------------------------|------------|
|                                          | muka surat |
| PENGAKUAN                                | ii         |
| DECLARATION                              | iii        |
| PENGHARGAAN                              | iv         |
| ABSTRAK                                  | vi         |
| ABSTRACT                                 | vii        |
| <br>                                     |            |
| <b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>                 |            |
| 1.1 Latar Belakang Kajian                | 1          |
| 1.2 Asal Usul Kurikulum Pendidikan Islam | 5          |
| 1.3 Pendidikan Islam di Selatan Thailand | 14         |
| 1.4 Pernyataan Masalah                   | 25         |
| 1.5 Rasional Kajian                      | 30         |
| 1.6 Objektif Kajian                      | 32         |
| 1.7 Soalan Kajian                        | 32         |
| 1.8 Kajian Berkaitan                     | 33         |
| 1.9 Kerangka Konseptual                  | 39         |
| 1.10 Kepentingan Kajian                  | 46         |
| 1.11 Batasan Kajian                      | 48         |
| 1.12 Definisi Konsep                     | 49         |
| 1.12.1 Pendidikan Islam                  | 50         |
| 1.12.2 Wilayah                           | 50         |
| 1.12.3 Selatan Thailand Bahagian Bawah   | 50         |
| 1.12.4 Selatan Thailand Bahagian Atas    | 51         |

|         |                                            |    |
|---------|--------------------------------------------|----|
| 1.12.5  | Pondok                                     | 51 |
| 1.12.6  | Sekolah Agama Rakyat                       | 52 |
| 1.12.7  | Kurikulum Pendidikan Islam (Thai)          | 53 |
| 1.12.8  | Ibtida'i                                   | 53 |
| 1.12.9  | Mutawassit                                 | 54 |
| 1.12.10 | Thānawi                                    | 54 |
| 1.12.11 | Pusat Membina Kemajuan Daerah Pelajaran II | 54 |
| 1.12.12 | Majlis Agama Islam Wilayah                 | 55 |
| 1.12.13 | Majlis Syeikh Islam                        | 55 |
| 1.13    | Rumusan                                    | 56 |

**BAB 2            BENTUK KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM  
DI SEKOLAH AGAMA RAKYAT DI SELATAN  
THAI**

|     |                                          |     |
|-----|------------------------------------------|-----|
| 2.1 | Pengenalan                               | 58  |
| 2.2 | Kurikulum Pendidikan Islam 2504Bd [1961] | 59  |
| 2.3 | Kurikulum Pendidikan Islam 2513Bd [1970] | 66  |
| 2.4 | Kurikulum Pendidikan Islam 2523Bd [1980] | 75  |
| 2.5 | Kurikulum Pendidikan Islam 2535Bd [1992] | 83  |
| 2.6 | Kurikulum Pendidikan Islam 2540Bd [1997] | 98  |
| 2.7 | Kurikulum Pendidikan Islam 2546Bd [2003] | 115 |
| 2.8 | Kesimpulan                               | 131 |

**BAB 3            KAEADAH KAJIAN**

|     |                    |     |
|-----|--------------------|-----|
| 3.1 | Pengenalan         | 134 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 135 |

|        |                                                        |     |
|--------|--------------------------------------------------------|-----|
| 3.2.1  | Pengkajian Kualitatif                                  | 135 |
| 3.2.2  | Paradigma Kualitatif                                   | 139 |
| 3.2.3  | Kriteria Penting Kajian Kualitatif                     | 141 |
| 3.3    | Prosedur Kajian                                        | 147 |
| 3.3.1  | Prosedur Teknikal                                      | 147 |
| 3.3.2  | Prosedur di Lapangan                                   | 148 |
| 3.4    | Rasional Pemilihan Pendekatan Kajian Secara Kualitatif | 151 |
| 3.5    | Tempat Kajian                                          | 153 |
| 3.6    | Responden Kajian                                       | 154 |
| 3.7    | Kriteria Pemilihan Peserta Kajian                      | 155 |
| 3.8    | Tempoh Kajian                                          | 157 |
| 3.9    | Kaedah Pengumpulan Maklumat                            | 158 |
| 3.10   | Kaedah Kajian                                          | 159 |
| 3.10.1 | Metode Dokumen                                         | 159 |
| 3.10.2 | Metode Temu Bual                                       | 171 |
| 3.10.3 | Kaedah Pensampelan                                     | 174 |
| 3.11   | Keabsahan dan Kebolehpercayaan Instrumen               | 176 |
| 3.11.1 | Keabsahan instrumen temu bual                          | 177 |
| 3.11.2 | Kebolehpercayaan instrumen temu bual                   | 179 |
| 3.12   | Pengurusan Maklumat                                    | 179 |
| 3.13   | Kesimpulan                                             | 181 |

**BAB 4 HASILAN KAJIAN TENTANG FAKTOR  
MEMPENGARUHI PERUBAHAN KURIKULUM  
PENDIDIKAN ISLAM**

|       |                                                                |     |
|-------|----------------------------------------------------------------|-----|
| 4.1   | Pengenalan                                                     | 183 |
| 4.2   | Analisis Hasil Dokumen                                         | 183 |
| 4.2.1 | Hasil Kajian Tentang Faktor Undang-undang dan Pelan Pendidikan | 184 |
| 4.2.2 | Hasil Kajian Tentang Faktor Politik dan Keamanan               | 194 |
| 4.2.3 | Hasil Kajian Tentang Faktor Sistem Pendidikan Awam             | 202 |
| 4.2.4 | Hasil Kajian Tentang Faktor Sosiobudaya                        | 225 |
| 4.2.5 | Hasil Kajian Tentang Faktor Sosioekonomi                       | 236 |
| 4.3   | Analisis Hasil Temu Bual                                       | 240 |
| 4.3.1 | Hasil Kajian Tentang Faktor Undang-undang dan Pelan Pendidikan | 248 |
| 4.3.2 | Hasil Kajian Tentang Faktor Politik dan Keamanan               | 261 |
| 4.3.3 | Hasil Kajian Tentang Faktor Sistem Pendidikan Awam             | 271 |
| 4.3.4 | Hasil Kajian Tentang Faktor Sosiobudaya                        | 284 |
| 4.3.5 | Hasil Kajian Tentang Faktor Sosioekonomi                       | 296 |
| 4.4   | Rumusan                                                        | 307 |

## **BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

|       |                                                                                                                          |     |
|-------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.1   | Pengenalan                                                                                                               | 309 |
| 5.2   | Rumusan                                                                                                                  | 310 |
| 5.2.1 | Pengaruh Faktor Undang-undang dan Pelan Pendidikan Terhadap Perubahan Kurikulum Pendidikan Islam di Sekolah Agama Rakyat | 312 |
| 5.2.2 | Pengaruh Faktor Politik dan Keamanan Terhadap Perubahan Kurikulum Pendidikan Islam di Sekolah Agama Rakyat               | 313 |
| 5.2.3 | Pengaruh Faktor Sistem Pendidikan Awam Terhadap Perubahan Kurikulum Pendidikan Islam di Sekolah                          |     |

Agama Rakyat

315

|       |                                                                                                   |     |
|-------|---------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.2.4 | Pengaruh Faktor Sosiobudaya Terhadap Perubahan Kurikulum Pendidikan Islam di Sekolah Agama Rakyat | 316 |
|-------|---------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|

|       |                                                                                                    |     |
|-------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.2.5 | Pengaruh Faktor Sosioekonomi Terhadap Perubahan Kurikulum Pendidikan Islam di Sekolah Agama Rakyat | 318 |
|-------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|

|     |              |     |
|-----|--------------|-----|
| 5.3 | Perbincangan | 319 |
|-----|--------------|-----|

|     |          |     |
|-----|----------|-----|
| 5.4 | Implisit | 323 |
|-----|----------|-----|

|     |                                                                           |     |
|-----|---------------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.5 | Unsur-unsur Kurikulum yang Menyimpang daripada Kurikulum Pendidikan Islam | 326 |
|-----|---------------------------------------------------------------------------|-----|

|     |                  |     |
|-----|------------------|-----|
| 5.6 | Implikasi Kajian | 342 |
|-----|------------------|-----|

|     |                          |     |
|-----|--------------------------|-----|
| 5.7 | Cadangan Kajian Lanjutan | 355 |
|-----|--------------------------|-----|

|     |            |     |
|-----|------------|-----|
| 5.8 | Kesimpulan | 356 |
|-----|------------|-----|

|                |     |
|----------------|-----|
| <b>RUJUKAN</b> | 358 |
|----------------|-----|

## **SENARAI JADUAL**

|                                                                                    |            |
|------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| Jadual                                                                             | muka surat |
| 1.1 Sekolah-sekolah di kawasan Selatan Thailand                                    |            |
| 2.1 Subjek dan Masa Pembelajaran                                                   | 75         |
| 2.3 Subjek dan Masa Pembelajaran Kurikulum Pendidikan Islam 2513Bd [1970]          | 85         |
| 2.4 Kerangka Subjek dan Masa Pembelajaran Kurikulum Pendidikan Islam 2523Bd [1980] | 94         |
| 2.5 Kerangka Subjek Kurikulum Pendidikan Islam 2535Bd [1992]                       | 107        |

## **SENARAI RAJAH**

|       |            |
|-------|------------|
| Rajah | muka surat |
|-------|------------|

|                                |    |
|--------------------------------|----|
| 1.1 Kerangka Konseptual Kajian | 67 |
|--------------------------------|----|

**SENARAI SINGKATAN**

|               |                                                 |
|---------------|-------------------------------------------------|
| amd.          | Amendment                                       |
| AS            | Alaihi Salam                                    |
| Bd.           | Buddhism                                        |
| KPI           | Kurikulum Pendidikan Islam                      |
| PASCA         | Pusat Pengajian Siswazah                        |
| PMKDP II-Yala | Pusat Membina Kemajuan Daerah Pelajaran II-Yala |
| R             | Responden                                       |
| SAR           | Sekolah Agama Rakyat                            |
| SAW           | Salahlah Alaihi Wassalam                        |
| STW           | Subhanahu wa Taala                              |
| T.th          | Tiada tarikh                                    |
| UPSI          | Universiti Pendidikan Sultan Idris              |

## LAMPIRAN

- Lampiran A- Contoh Peta Wilayah-wilayah Selatan Thailand
- Lampiran B- Contoh Surat yang dikeluarkan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Lampiran C- Contoh Teks-teks Kurikulum Pendidikan Islam yang dikeluarkan oleh Pusat Membina Kemajuan Daerah Pelajaran II-Yala
- Lampiran D- Contoh Borang Temu Bual (Berstruktur)

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latar belakang kajian

Thailand merupakan sebuah negara demokrasi yang memberi kebebasan kepada rakyatnya dalam menganuti mana-mana agama yang disukainya, seperti mana telah tercatat dalam Perlembagaan Thai 2540Bd 1997 pada Bab III Akta 38 (Noukhong & rakan-rakan, 2003: 17):

Seseorang individu mempunyai hak yang sempurna dalam menganut mana-mana agama atau pegangan, ia juga mustahak untuk mendirikan ibadahnya dengan tidak bercanggah dengan peraturan negara atau melanggar hak yang lain.

Islam ialah agama kedua terbesar selepas Buddha. Penduduk Islam di Thailand ialah minoriti, bilangan mereka hanya (14%) dari keseluruhan rakyat Thai atau 8,239,190 orang (Muslim in Thailand, 2005). Bahasa Thai dianggap sebagai bahasa rasmi bagi negara ini. Ia turut diguna oleh penduduk seluruh negara. Namun begitu bahasa Melayu juga memainkan peranan di kawasan selatan, khususnya di empat wilayah: Pattani, Narathiwat, Yala dan Satun, kerana majoriti penduduk di kawasan ini

berketurunan Melayu dan beragama Islam. Mereka menggunakan bahasa Melayu ketika berkomunikasi semasa mereka dan menggunakan bahasa Thai apa bila berurusan dengan jabatan kerajaan (Chidmuad, 1998: 77).

Perlembagaan Pendidikan Thai 1999 Bab IV telah mendefinisikan pendidikan sebagai (Pongphaiboon dan et al., 2003: 107 ):

proses pengajaran dan pembelajaran yang boleh menyuburkan individu dan masyarakat dengan melalui penghantaran ilmu pengetahuan, latihan, nasihat, penyebaran kebudayaan, pembahasan ilmiah, pembinaan anasir pengajian yang berdasar kepada suasana pendidikan dan asas-asas yang membolehkan individu itu mempelajari seumur hidup.

Islam menggalak dan menekankan supaya umatnya berilmu pengetahuan, setiap orang Islam mesti mempelajari apa saja ilmu yang tidak bercanggah dengan hukum syarak. Dengan itu setiap umat Islam mesti menuntut ilmu pengetahuan sepanjang hayat, sama ada secara formal atau sebaliknya. Para alim ulama pula ialah mereka yang bertanggungjawab dalam menyebar dan mengajar ilmu agama kepada orang awam. Islam sangat menitikberatkan supaya ibu bapa memberi pendidikan kepada anak-anak mereka, lebih-lebih lagi ilmu yang berkaitan dengan agama Islam. Untuk tujuan ini lahirlah institusi pengajian Islam di Selatan Thailand yang berbeza daripada institusi pengajian lain dalam negara. Institusi yang dimaksud ialah pondok.

Pondok menjadi institusi pendidikan Islam terulung di kawasan Selatan Thailand. Ia dibangunkan awal lagi serentak dengan kedatangan Islam ke negara ini. Pondok berasal dari kalimah Arab yang memberi makna tempat bermalam atau tempat penginapan pengembara-pengembara. Ada pula yang mendefinisikan rumah kecil yang didirikan untuk sementara waktu di sawah-sawah, di ladang-ladang atau tempat-tempat lain (Husin, 1990: 232, Abdullah, 1990: 179), tetapi apabila diterjemah ke

bahasa Melayu ia membawa konotasi lain, iaitu tempat singgah atau rumah-rumah kecil yang dibina oleh pelajar-pelajar di kawasan rumah tuan guru, surau dan juga madrasah di sebuah kawasan khas. Semua komponen institusi tersebut dipanggil pondok (Chonchid dan rakan, 1995: 111). Di Selatan Thailand pondok mula-mula dibina di Pattani. Ia adalah institusi pendidikan yang amat berfungsi kepada masyarakat Selatan Thailand sejak dahulu hingga kini. Dalam hal ini, Pattani menjadi pusat pendidikan agama Islam yang terawal dan terulung di kawasan Selatan Thailand hingga ke Semenanjung Tanah Melayu (Abdul Kadir, t.th: 79). Pondok dilahirkan buat kali pertama pada awal kurun ke-19 Masihi. Pada zaman itu Pattani merupakan sebuah kawasan yang popular sebagai pusat pengajian pondok seperti mana Kedah, Kelantan dan Terengganu di Semenanjung Tanah Melayu. Negeri-negeri ini lokasinya berhampiran dengan Pattani, dengan itu perhubungan dengannya mudah dan saling pengaruh mempengaruhi (Abdullah, 1990: 177-178). Dari Pattani institusi pondok dikembangkan ke seluruh Wilayah Selatan Thailand. Pondok juga menjadi institusi pengajian yang sangat berpengaruh dan menjadi tempat pergantungan masyarakat Islam di Selatan. Ia dianggap sebagai benteng bagi mempertahankan budaya tempatan. Pondok telah menjadi alat yang telah menyatupadukan masyarakat Islam di Selatan Thailand (Chapakia, 2000: 27).

Tujuan utama didirikan pondok ialah untuk mengajar agama Islam. Peringkat awalnya pengajian di sini dijalankan tanpa kurikulum, tanpa penilaian dan juga tanpa pembahagian kelas pengajian tidak seperti di sekolah-sekolah hari ini. Kitab yang sering digunakan oleh tuan guru dalam pengajaran mereka ialah buku-buku Islam yang ditulis dalam bahasa Arab dan juga Melayu bertulisan jawi. Biasanya bagi sebuah pondok ada seorang tuan guru sahaja dan kebanyakannya ialah mereka

yang tamat pengajian tingkatan rendah dan sekolah kebangsaan. Tempoh pengajiannya tidak tetap, sesetengah pelajar mengambil masa lebih daripada sepuluh tahun untuk tamat. Subjek-subjek dipelajari ialah: membaca dan menghafaz al-Qur'an, ilmu tauhid, fikah, bahasa Arab, tafsir dan lain-lain (Maluleem, 1995: 37). Selepas Perang Dunia II, beberapa orang Islam Pattani (Selatan Thailand) yang berfikiran maju mula memikirkan untuk membangunkan institusi pondok, dari sebuah pondok yang tidak teratur dan longgar sistem pengajian menjadi institusi yang lebih sistematik dan terancang bagi memenuhi tuntutan yang disarankan kerajaan Thai. Oleh yang demikian institusi pondok mula bertukar kepada sistem sekolah agama rakyat yang lebih moden. Perubahan yang berlaku pada institusi ini telah menyedarkan Muslimin tentang kesan kemodenan yang menyusup masuk ke dalam institusi pengajian tradisi mereka (Madmarn, 2001).

Institusi sekolah agama rakyat mencantumkan aliran pengajian Islam dengan aliran pengajian sains sosial. Guru akademik dihantar oleh pihak Kerajaan untuk mengajar di sekolah agama. Setiap tahun Kerajaan akan memberi bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah agama yang mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan. Bantuan tahunan Kerajaan itu, diberikan berdasarkan jumlah bilangan pelajar yang belajar di bahagian akademik. Misalnya pada akhir tahun 1970-an, sebahagian besar pelajar belajar di sekolah-sekolah yang mempunyai dua aliran pendidikan (pengajian Islam dan pengajian sains sosial). Di samping itu, para guru yang berkebolehan dan berkelulusan umumnya bertumpu di sekolah besar yang mempunyai dua aliran pendidikan itu. Pondok dan sekolah kecil kurang mendapat perhatian oleh sebab itu sebahagian besarnya semakin merosot. Pada awal tahun 1980-an, minat masyarakat tertumpu kepada sekolah agama besar yang mempunyai dua

aliran serta cukup kelengkapannya. Sebahagian besar tenaga pengajarnya adalah daripada lulusan luar negara. Sekolah agama besar yang bilangan pelajar lebih 1,000 orang pada umumnya terdapat dalam tiga wilayah: Pattani, Yala dan Narathiwat. Dengan ini, jelaslah bahawa dasar pendidikan Kerajaan di kawasan ini berasaskan kepada dua tujuan utama: iaitu memperbaiki sistem pengajian pondok dan mengguna pakai sistem yang menyebabkan ia boleh didaftarkan; keduanya bertujuan memperkenalkan pendidikan Thai di pondok-pondok untuk menerapkan kesedaran kebangsaan (Madmarn, 2001). Pada tahun 1999, bilangan sekolah agama rakyat yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Thai ialah 326 buah. Akan tetapi yang benar mempraktikkan sistem ini dalam urusan pengajian hanya 154 buah sekolah sahaja atau purata 47.24% (Sthiti Rongrian, 1999: 8). Hasil daripada perubahan sistem pendidikan tradisional kepada sistem yang lebih moden, secara tidak langsung menyebabkan sekolah-sekolah yang tidak berkemampuan untuk memenuhi syarat-syarat yang dituntut oleh pihak kerajaan terpaksa gulung tikar.

## 1.2 Asal usul kurikulum pendidikan Islam

Kalimah kurikulum seerti dengan مِنْهَاجٌ (*Minhaj*) dalam bahasa Arab yang membawa makna jalan yang terang atau rancangan yang terang untuk dilaksanakan dalam proses pendidikan (Hamdan, 1982: 24). Allah SWT berfirman dalam al-Qur'an:

لَكُلٌّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شَرِيعَةً وَمِنْهَا جَاءَ  
٤٨

(al-Mâ'idah: 48) maksudnya: "Untuk tiap-tiap umat antara kamu (umat Nabi Muhammad dan umat-umat yang sebelumnya), kami memberikan aturan dan jalan yang terang". Kalimah *Minhaj* dari ayat tadi memberi maksud jalan yang terang dan berterusan (al-Qurtubi, 1953G: 137) ataupun dikenali dengan kurikulum (Mar'i dan rakannya, 2001: 25). Keseluruhannya gagasan kurikulum pendidikan Islam terkandung pada ayat yang kedua dari surah al-Jumu'ah:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمَمِ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتَلَوُ عَلَيْهِمْ  
 عَائِدِيهِ وَيُرِزِّكِيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي  
ضَلَالٍ مُّبِينٍ

maksudnya: "Dialah (Allah) yang mengutus kepada kaum yang buta huruf seorang Rasul antara mereka, yang membacakan ayat-ayat-Nya kepada mereka, menyucikan mereka dan mengajari mereka Kitab (al-Qur'an) dan Hikmah (al-Sunah). Dan sesungguhnya mereka sebelumnya benar-benar dalam kesesatan yang nyata".

Kurikulum pendidikan Islam di sini dimaksudkan sebagai ilmu pengetahuan yang menjadikan al-Qur'an dan al-Sunah sebagai sumber rujukannya, sama ada ilmu itu keduniaan ataupun keakhiratan. Ini kerana kurikulum pendidikan Islam merupakan kurikulum yang dinamik, sesuai dengan setiap keadaan semasa dan secocok dengan kehendak manusia. Kurikulum atau *minhaj* pendidikan Islam ini berdasarkan perkara-perkara berikut:

1. ( يَتَلَوُ عَلَيْهِمْ عَائِدَاتٍ ) ertiinya: "Yang membacakan ayat-ayat-Nya kepada mereka".

Iaitu mendorong manusia supaya membaca serta memahami ayat-ayat Allah (al-Qur'an).